

# Pemakaian Teori *Al-Masalih Al-Mursalah* dari Perspektif Mazhab Syafi'i

Mohd. Noor Deris

## Abstract

*Al-Shafi'i never mentioned anything about al-Masalih al-Mursalah as a source of law. But practically the source was taken into account by the later Shafite jurists in making their Ijtihad. The article attempts to elaborate how most of the Shafite fatwa which were said to be based on Qiyas and Sad al-Zaraii were also based on the doctrine of al-Masalih al-Mursalah.*

## Pendahuluan

*Al-Masalih al-Mursalah* ialah kepentingan yang tiada dalil Syarak menunjukkan samada ianya diperakui atau tidak. Banyak hukum kitab-kitab fiqh berasaskan *al-Masalih al-Mursalah*. Ia diterima oleh ramai ulama Islam yang terkenal termasuk dalam kalangan mazhab Syafi'i seperti Imam al-Ghazzali (450-505) dan Imam al-Baidawi (m. 685 H.)<sup>1</sup>

Di Malaysia dewasa ini *al-Masalih al-Mursalah* amat penting dijadikan dasar berijtihad bagi membolehkan ulama memainkan peranan penting untuk mere-

formasikan hukum Islam sesuai dengan keperluan ummah yang semakin mencabar. Kedudukan ijtihad yang menjadi unsur penting dalam masyarakat Islam perlu diperkemas semula. Ia bukanlah slogan untuk dilaung-laungkan atau sekadar ilmu yang hanya dipelajari di pusat-pusat pengajian, tetapi rangka kerja tindakan bagi setiap ulama mujtahid dalam mengambil langkah-langkah tertentu bagi menangani segala keperluan ummah. Maksudnya:

### *Al-Masalih Al-Mursalah* Terkandung dalam *Qiyas*

Imam Syafi'i<sup>2</sup> memang tidak menyebut *al-Masalih al-Mursalah* sebagai sumber hukum. Tetapi secara praktiknya *al-Masalih al-Mursalah* ini diambil kira oleh para ulama mazhab beliau dalam berijtihad. Malah banyak juga fatwa yang dikeluarkan oleh Imam Syafi'i sendiri berdasarkan teori ini, tetapi atas nama *Qiyas* atau konsep "menutup jalan (pintu) kejahatan" (Sad al-Zarai'i). Kedua-dua kaedah ini adalah berkait rapat dengan *al-Masalih al-Mursalah*.<sup>3</sup>

Mengikut teori Mazhab Syafi'i, asas hukum hanyalah Ijma' dan khabar yang pasti daripada al-Quran dan Sunnah sahaja. Dari dua sumber inilah sahaja diambil hukum dan kepada keduanya dirujuk oleh para mujtahid dalam memahami hukum. Mengikut teori mazhab itu lagi, jika kedua-dua sumber itu menunjukkan secara *lafzi* di atas satu-satu hukum, maka hukum berkenaan disebut sebagai *mansus*. Tetapi jika kedua-dua sumber itu menunjukkan hukum secara *ma'qul*, maka hukum berkenaan dikira terbentuk dengan Ijtihad. Bagi Imam Syafi'i, Ijtihad hanya boleh berlaku dalam satu bentuk sahaja iaitulah *al-Qiyas*.<sup>4</sup> Dengan sebab itulah *Al-Masalih al-Mursalah* tidak disebut sebagai sumber hukum secara tersendiri.

Mengikut teori Mazhab Syafi'i lagi, setiap yang berlaku pasti ada dalil daripada Kitab Allah dan Sunnah nabi-Nya, samada dalam bentuk nas yang terang atau dalam bentuk *ma'qul* nas berasaskan *Qiyas*.<sup>5</sup> Imam Syafi'i sendiri ada menyatakan bahawa ijtihad sebenarnya tidak berlaku melainkan kerana mencari hukum, sementara hukum pula tidak akan diperolehi kecuali berpandukan dalil. Dalil itulah yang dikenali sebagai *Qiyas*.<sup>6</sup>

Berasaskan kenyataan ringkas di atas, di samping yang lain-lain lagi, Dr. Husain Hamid Hassan telah membuat kesimpulan bahawa ijtihad dan *Qiyas* adalah sama bagi Imam Syafi'i. Ini kerana sesuatu hukum yang tidak ada nas secara teorinya tidak boleh diketahui kecuali melalui melainkan ijtihad dengan cara melakukan *Qiyas* atas nas.<sup>7</sup>

Kesimpulan ini tepat sekali kerana Imam Syafi'i sendiri ada menyatakan dalam *al-Risalah*: "bahawa dasar yang lain daripada nas al-Quran dan Sunnah, maka *Qiyas*lah yang mengambil tempatnya."<sup>8</sup>

Dalam satu jawapan kepada soalan apakah erti *Qiyas*? Adakah ianya ijtihad? Atau kedua-duanya berbeza? Imam Syafi'i menjelaskan bahawa kedua-duanya adalah dua nama bagi perkara yang satu. Bila ditanya lagi apakah bentuk persamaan kedua-duanya? Jawab Syafi'i, "Setiap orang Islam pasti memerlukan hukum



mengenai setiap perkara yang melibatkan dirinya atau sekurang-kurangnya ada dilalah, jika hukum berkenaan ada secara jelas ia wajib diikuti. Tetapi jika tidak jelas dalilnya mesti dicari berpandukan jalan yang sebenar melalui ijtihad. Ijtihad itu ialah *Qiyas*.<sup>9</sup>

Sehubungan dengan ini Dr. Mustafa Zayd telah membuat suatu kesimpulan bahawa Imam Syafi'i tidak menolak *al-Masalih* sebagai sumber hukum. Beliau hanya menolak hawa nafsu atau keinginan syahwat yang ternampak dalam bentuk *al-Masalih* itu sahaja. Ringkasnya, Imam Syafi'i menerima *al-Masalih al-Mursalah* sebagai sumber hukum selama mana dan dengan syarat ianya tidak diselubungi oleh hawa nafsu.<sup>10</sup>

Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Butiy, ulama kontemporari dan penulis terkenal di Timur Tengah menyatakan bahawa ungkapan Syafi'i sendiri terang-terang menunjukkan bahawa yang beliau maksudkan dengan *Qiyas* itu ialah setiap perkara yang lain daripada al-Quran dan Sunnah. Bagi al-Butiy antara dalil kepada tafsiran beliau itu ialah apa yang diterangkan oleh Ibn Hajar ketika menerangkan hadith Rasulullah (s. 'a.w.) yang bermaksud:<sup>11</sup>

*"Sesiapa yang mengadakan sesuatu daripada urusan agama kami yang bukan daripadanya maka ia adalah tertolak"*

Seorang ulama terbilang dari kalangan fuqaha Mazhab Syafi'i iaitu al-Zanjani juga (m. 656 H.) menyifatkan Imam Syafi'i sebagai berpegang kepada *al-Masalih*. Kata beliau, ada dua contoh bagi membuktikan pemakaian teori *al-Masalih al-Mursalah* dalam mazhab itu:<sup>12</sup>

1. Perbuatan yang sedikit tidak membatalkan sembahyang, tetapi perbuatan yang banyak membatalkannya.
2. Dikenakan *qisas* (bunuh balas) terhadap semua orang yang berkongsi membunuh seorang sahaja.

Di samping itu ramai penulis dalam bidang Usul Fiqh dari kalangan ulama Mazhab Syafi'i sendiri seperti al-Amidiy, al-Baidawiy (m. 656 H./1286 M.) al-Isnawiy (m. 772 H./1370 M.) Ibn al-Subki dan al-Ghazzali masing-masing menyatakan bahawa Imam Syafi'i berpegang kepada *al-Masalih al-Mursalah* walaupun atas nama *Qiyas* mengikut istilahnya.<sup>13</sup>

Dengan penjelasan yang ringkas di atas dapatlah disimpulkan bahawa pemakaian teori *al-Masalih al-Mursalah*, dalam Mazhab Syafi'i berlaku melalui dalam dua prinsip yang diistilahkan dalam mazhab sebagai:

1. *Qiyas*.
2. *Sadd al-Zara'i'* atau penutupan pintu keburukan.

Menurut Mazhab Syafi'i kedua-dua doktrin ini adalah luas sehingga mencakupi *al-Masalih al-Mursalah* sebagaimana diistilahkan yang popular dalam Mazhab Maliki. Ini dapat dibuktikan dengan pemakaian Imam Syafi'i sendiri dan ramai tokoh-tokoh perundangan dalam mazhabnya. Banyak fatwa-fatwa yang berdasar kepada *masalah* sama ada dibentuk melalui atau *Qiyas Sadd al-Zara'i'*.

Sebagai contoh ialah fatwa Imam al-Syafi'i sendiri dalam kitab *al-Umm*.<sup>14</sup>

Kata beliau: "Kalau mereka bersaksi ke atas seorang lelaki bahawa lelaki itu telah menceraikan isterinya tiga kali, lalu hakim memisahkan antara keduanya, kemudian mereka menarik balik kesaksian itu maka hakim mestilah mendenda mereka sebanyak *Sadaq Mithl*<sup>15</sup> jika sudah disetubuhi. Kalau belum, mereka hendaklah didenda separuh *Sadaq Mithl*. Kerana merekalah yang menghalang wanita berkenaan dari suaminya."

Seorang tokoh perundangan dalam Mazhab Syafi'i 'Izzudin 'AbdusSalam (m. 660 H.) menulis dengan panjang lebar dalam bukunya *Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*<sup>16</sup> menyatakan bahawa Mazhab Syafi'i berpegang kepada kaedah *al-Zara'i'*. Beliau seterusnya menyebut berbagai contoh dalam berbagai bidang hukum yang berdasarkan *Maslahah* yang lebih kuat seperti hukum menolong orang lemas mestilah diutamakan daripada sembahyang Jumaat, demikian juga hukum mempertahankan diri dan maruah wajib didahulukan berbanding dengan kewajipan sembahyang Jumaat. Dalam bidang lain beliau menyebut contoh seperti seorang wanita yang dipaksa berzina dan tidak ada jalan melepaskan dirinya melainkan dengan membayar sejumlah wang tertentu, ketika itu harus bagi wanita itu menghulurkan wang bagi menebus maruahnyanya dari tercemar.<sup>17</sup> Contoh-contoh ini dan banyak lagi, semuanya berdasarkan *Maslahah*, iaitu samada mencari sesuatu yang manfaat atau menolak sesuatu yang merosakkan.

Ringkasnya Imam Syafi'i dan murid-murid beliau banyak sekali mengistinbatkan hukum dan mengeluarkan fatwa yang boleh dikatakan bersandar kepada *al-Masalih*. Hukum-hukum dan fatwa-fatwa seperti itu bertaburan di dalam kitab Mazhab Syafi'i. Antara mereka ialah Imam al-Nawawi dalam bukunya *al-Majmu'*, al-Syarbini al-Khatib dalam bukunya *Mughni al-Muhtaj*, al-Syirazi dalam bukunya *al-Muhazzab*, al-Ramli dalam bukunya *Nihayah al-Muhtaj* dan lain-lain.

### Kekeliruan

Sehubungan dengan penggunaan "*al-Masalih al-Mursalah*" ini mungkin timbul kekeliruan kerana dengan penolakan Imam Syafi'i terhadap kaedah *al-Istihsan*. Mengikut teori mazhab ini tidak harus bagi seseorang mujtahid mencari sesuatu hukum atau mengeluarkan apa-apa fatwa melalui ijtihad yang berdasarkan *Istihsan*. Hasil dari kekeliruan kepada, ada orang yang beranggapan bahawa *al-Masalih al-Mursalah* termasuk ke dalam kaedah *Istihsan* yang tidak boleh dipakai dalam menentukan hukum.

Bagaimanapun Imam Syafi'i dalam bukunya *al-Umm* dan *al-Risalah*, menyatakan bahawa *Istihsan* yang ditentangnyanya itu hanyalah ijtihad tanpa sandaran kepada al-Quran, Sunnah, *Ijma'* atau *Qiyas*. Kerana apabila seseorang mujtahid mengeluarkan fatwa atau membuat hukum terhadap sesuatu masalah tanpa diambil daripada khabar (al-Qur'an dan Sunnah) secara lafaz dan bukan juga *Qiyas* secara *ma'qul* dan tidak juga *Ijma'*, maka itu adalah dikira *Istihsan* mengikut pandangan akal mujtahid sendiri.<sup>18</sup>



Menurut Dr. Husain Hamid Hassan, banyak dalil yang menunjukkan bahawa Imam Syafi'i sendiri sebagai pengasas mazhab menggunakan teori *al-Masalih al-Mursalah* apabila ia selaras dengan *masalahah* yang diakui oleh Syarak dan disokong oleh nas secara umum. Kerana mengikut teori mazhab ini lagi, tidak semestinya nas itu menunjuk di atas makna yang tepat. Sebaliknya memadailah dengan nas-nas yang menunjukkan jenis makna sahaja.<sup>19</sup> Kerana itu jelas sekali ada keseragaman antara penulis-penulis ilmu Usul Fiqh dalam Mazhab Syafi'i dan dalam mazhab-mazhab lain dalam memakai teori *al-Masalih al-Mula'imah* serta menolak pemakaian *al-Masalih al-Gharibah* atau lebih dikenali dengan istilah *al-Istihsan* mengikut ibarat Syafi'i.<sup>20</sup>

Prof. Muhammad Sa'id Ramadan al-Butiy menyatakan bahawa sesungguhnya nyata sekali *al-Istihsan* yang diingkari sebagai sumber hukum oleh Imam Syafi'i itu bukanlah *al-Istislah*. Menurut beliau, ini adalah kerana antara dua istilah itu amat jauh bezanya. Kalau tidak, sudah tentu keingkaran itu membawa kepada teringkarnya *Qiyas*. Pada hal, kata beliau, kita sudah mengetahui bahawa *Qiyas* mengikut teori mazhab Syafi'i adalah umum, meliputi berbagai bentuk Ijtihad yang berasaskan dalil. Tambah beliau, sebenarnya *al-Istihsan* yang dimaksudkan oleh Imam Syafi'i itu hanyalah fatwa yang dikeluarkan tanpa mengikut khabar yang lazim daripada al-Qur'an atau Sunnah dan tidak juga *Qiyas* atau *Ijma'*, tetapi hanyalah berpegang kepada apa yang dipandang baik mengikut fikirannya sahaja.<sup>21</sup>

Dalam hal ini Muhammad Abu Zahrah telah meneliti beberapa buah buku Imam Syafi'i sendiri, lalu membuat dua kesimpulan:

Pertama : Bahawa setiap Ijtihad yang tidak berpegang kepada al-Kitab atau Sunnah atau *Athar* atau *Ijma'*, adalah *Istihsan*. Kerana dalam kes-kes seperti itu mujtahid telah membuat kesimpulan hukum berdasarkan apa yang dikira baik olehnya sendiri dan berasaskan apa yang ditunjuk oleh nas atau dalilnya.

Kedua: Bahawa Ijtihad dengan cara *Istihsan* tanpa berpegang kepada nas yang thabit atau *dilalah mursyidah* adalah batil (tidak diterima).<sup>22</sup>

### Kesimpulan dan Saranan

Apa yang penting di sini ialah supaya pemakaian teori *al-Masalih al-Mursalah* terlaksana dengan wajar. Inilah landasan Ijtihad yang dilalui oleh para ulama terdahulu, termasuk dari mazhab Syafi'i. Ia sebagaimana yang dihuraikan di atas adalah suatu kaedah dalam pemakaian *al-Qiyas* sendiri sebagai satu sumber hukum yang diterima dalam mazhab berkenaan, di samping pemakaian konsep *Sadd al-Zara'i'*.

NOTA KAKI

1. Untuk keterangan lanjut mengenai pendapat-pendapat ulama tentang *al-Masalih al-Mursalah* sebagai sumber hukum, sila lihat, Mohd. Noor b. Deris, "Al-Masalih al- Mursalah Dalam Perundangan Islam Dan Pelaksanaannya Di Kelantan", Disertasi MA, UM, 1985, h. 192 dan seterusnya.
2. Beliau dibilang sebagai pengasas dan orang pertama membukukan ilmu Usul Fiqh serta kaedah-kaedah istinbat. Untuk keterangan lanjut, lihat Mohd. Noor bin Deris, *Muhadarat Fi Usul al-Fiqh*, al-Nuriyyah, Kelantan, 1993, Juz. 1, h. 37 dan selepasnya.
3. Lihat, Dr. Husain Hamid Hassan, *Nazariyyah al-Maslahah fi al-Fiqh al-Islamiy*, Kaherah, 1971, h. 309.
4. *Ibid.*, h. 311.
5. *Ibid.*, h. 312-313.
6. *Ibid.*, h. 314; cf. al-Syafi'i, *al-Risalah*, Misr, 1940, h. 505.
7. *Ibid.*, h. 315.
8. *Ibid.*, h. 316; cf. al-Syafi'i, *op.cit.*, h. 516.
9. *Ibid.*, h. 317; cf. al-Syafi'i, *op.cit.*, h. 477; cf. Mohd. Noor bin Deris, "Konsep al-Maslahah Mengikut Imam al-Syafi'i" dalam SEMINAR PEMIKIRAN ISLAM, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 1410H/1989 M., h. 152-153.
10. Dr. Mustafa Zayd, *al-Maslahah Fi al-Tasyri' al-Islami*, Kaherah, 1964, h. 39.
11. Untuk keterangan lanjut, sila lihat Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Butiy, *Dawabit al-Maslahah Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Damsyiq, 1966/67, h. 371; cf. Ibn Hajar, *Fath al-Mubin bi Syarh al-Arba'in*, Tab. al-Amirah, h. 94.
12. Untuk keterangan lebih lanjut, sila lihat, al-Zanjani, Mahmud, *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, Beirut, 1984, h. 320-322; Bandingkan dengan Dr. Husain Hamid Hassan, *op.cit.*, h. 344 dan seterusnya.
13. Untuk keterangan lebih lanjut, lihat Dr. Husain Hamid Hassan, *op.cit.*, h. 328 dan berikutnya.
14. Lihat, al-Syafi'i, *al-Umm*, Kaherah, 1308 H., Juz 7, h. 50.
15. *Sadaq Mithl* bererti mas kahwin yang diberikan kepada wanita yang sebandingannya.
16. Lihat Ibn 'AbdusSalam, Sultan *al-Ulama' Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, Kaherah, t.t. Juz. 1, h. 170; cf. Dr. Husain Hamid Hassan, *op.cit.*, h. 395 dan seterusnya.
17. *Ibid.*, h. 170 dan berikutnya.
18. Untuk keterangan lanjut, lihat Dr. Husain Hamid Hassan, *op.cit.*, h. 374, dan seterusnya.

19. *Ibid.*, h.369.
20. *Ibid.*
21. Lihat, Muhammad Sa'id Ramadan al-Butiy, *op.cit.*, h. 377.
22. Lihat Muhammad Abu Zahrah, *al-Syafi'i*, Kaherah, 1978, h. 301.